

24 DEC 2000

DR MAHATHIR LAWAT PEKAN RABU

ALOR SETAR, 24 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengambil kesempatan melawat Kompleks Pekan Rabu di sini, sambil membeli-belah dan beramah mesra dengan peniaga di situ.

Dr Mahathir, yang diiringi Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, tiba di kompleks itu pada pukul 4 petang.

Dr Mahathir mengambil masa hampir satu jam meninjau suasana kesibukan orang ramai membuat persiapan terakhir menyambut Aidilfitri dengan membeli-belah pelbagai barangan seperti makanan, pakaian dan perhiasan di kompleks itu.

Beliau juga membeli lauk-pauk dari peniaga-peniaga di situ seperti kari daging, rendang limpa dan masak lemak perut.

Beliau tidak ketinggalan membeli dua pasang kopian putih dan dua botol minyak atar.

Pekan Rabu yang merupakan mercu tanda dan pusat ekonomi bagi masyarakat Melayu di bandar ini begitu sinonim dengan Dr Mahathir kerana beliau pernah berniaga di situ sekitar tahun 1940an.

-- BERNAMA

MNH AKD